

SUBJECT: Malay Language

LEVEL	Secondary 3 Express
TOPIC	Debate/Expository & Argumentative Essay Topics
DESCRIPTION OF RESOURCES	In this activity, teachers can conduct a debate on certain topics provided. The topics are of close relevance to issues covering the usage of plastic bags, man's attitude towards the environment and others of the like. The two teams - the proposition and the opposition - will be given the link to the White Paper to guide them in their research to support their stand. With all the information they have gained, the debate can be extended to the the writing of argumentative or expository essay a well. The research will provide them with useful information and create more awareness of the environment amongst these students.
MATERIALS NEEDED	2 stopwatches and 1 bell for debate 1 recording for listening comprehension

KERTAS LATIHAN 1:
TOPIK PERBAHASAN/KARANGAN EKSPOSITORI/KARANGAN ARGUMENTATIF

1. Plastik merupakan punca utama berlakunya pencemaran alam.
2. Penggunaan plastik membawa lebih banyak manfaat daripada kemudaratan.
3. Hidup manusia akan menjadi lebih sulit tanpa adanya plastik.
4. Pihak pemerintah harus menggalakkan orang ramai untuk tidak menggunakan plastik secara berlebihan.

Aktiviti:

1. 3 orang pelajar akan memainkan peranan sebagai Tuan Pengerusi Majlis (1 pelajar) dan penjaga waktu (2 pelajar, satu penjaga waktu untuk setiap kumpulan).
2. Guru membahagikan pelajar kepada 2 kumpulan: pihak pencadang dan pihak pembangkang. Proses perbahasan adalah seperti berikut:

Pembahas Pertama: 7 Minit

- Pembahas pertama akan menyatakan pendirian kumpulan mereka dan memberikan sedikit gambaran tentang hujah-hujah yang bakal diberikan.
- Pihak pencadang akan memulakan bahas.
- Kemudian diikuti pula dengan pembahas pertama daripada kumpulan pembangkang.

Pembahas Kedua: 6 Minit

- Pembahas kedua akan mengupas topik dengan memberikan hujah-hujah mereka. Pada masa yang sama, mereka juga boleh membidas hujahan yang disampaikan oleh pihak lawan.
- Pihak pencadang akan membentangkan hujahannya dahulu.
- Kemudian diikuti dengan pihak pembangkang.

Pembahas Ketiga: 6 Minit

- Pembahas ketiga akan menyambung hujahan rakan mereka. Pada masa yang sama, mereka juga boleh membidas hujahan yang disampaikan oleh pihak lawan.
- Pihak pencadang akan membentangkan hujahannya dahulu.
- Kemudian diikuti dengan pihak pembangkang.

Penggulung: 4 Minit

- Hanya pembahas pertama atau kedua sahaja yang dibenarkan untuk menjadi penggulung bagi setiap kumpulan.
- Penggulung akan membuat bidasan yang terakhir bagi pihak kumpulannya dan merumuskan semua hujah-hujah rakan-rakannya.
- Pihak pembangkang akan memulakan sesi penggulangan, diikuti dengan pihak pencadang.

Celahan:

- Celahan boleh diajukan ketika pembahas daripada pihak lawan sedang berhujah.
- Sebanyak lima celahan boleh diajukan pada setiap pembahas tetapi terpulang kepada pembahas untuk menerima atau menolak celahan yang diajukan.
- Sekiranya pembahas telah menerima 2 celahan, pihak pembangkang tidak boleh lagi mencelah.
- Setelah loceng pertama dibunyikan, celahan tidak lagi dibenarkan.
- Loceng pertama akan dibunyikan seminit sebelum akhir waktu.

Tindakan Guru:

- Para pelajar harus diberikan tempoh yang secukupnya untuk membuat persediaan untuk perbahasan tersebut.
- Guru akan memberi kertas panduan kepada para pelajar.
 - Pautan Kertas Putih SEC boleh diberikan kepada pelajar untuk memulakan proses pengumpulan data dan bukti-bukti mereka.
 - Guru telah mengajar teknik-teknik perbahasan serta komponen-komponen pemarkahan dalam perbahasan.

- Guru akan memberikan topik perbincangan kepada pelajar beberapa minggu lebih awal (mengikut jangka waktu yang guru sediakan) untuk membolehkan pelajar membuat persediaan.
- Guru akan memberi ulasan dan cadangan kepada pelajar berdasarkan perbincangan yang dijalankan.
- Guru akan berbincang tentang penggunaan plastik dengan lebih mendalam lagi selepas ulasan diberikan.

Rasional:

- Aktiviti ini dijalankan dalam bentuk Perbincangan untuk memberi peluang kepada pelajar membuat aktiviti secara berkumpulan dan belajar untuk mengumpulkan data-data yang relevan daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai.
- Kesedaran dan perasaan cinta terhadap alam sekitar juga dapat dipupuk dalam diri pelajar.
- Perbincangan juga memberi peluang untuk para pelajar menggilap kemahiran bertutur mereka dan meningkatkan keyakinan diri mereka.

Panduan Untuk Guru

1. Plastik merupakan punca utama berlakunya pencemaran alam.

Pihak Pencadang:

- Plastik merupakan bahan buangan yang mengambil masa yang lama untuk luput.
- Walaupun ia membawa kemudahan kepada kita, penggunaan plastik secara berlebihan boleh dan telah mengakibatkan pencemaran yang serius
- Plastik, terutama sekali yang kecil, sukar untuk dikitar semula. Sekiranya tidak boleh dipakai lagi, plastik terpaksa dibuang dan dibakar.

Pihak Pengbangkang:

- Plastik hanya merupakan satu alat sahaja. Alat merupakan perkakas yang neutral.
- Faktor sebenar yang mengakibatkan pencemaran alam sekitar ialah sikap pengguna yang tidak bertanggungjawab
- Pencemaran alam sekitar berpunca daripada pelbagai faktor. Penggunaan plastik bukanlah faktor yang utama.
- Masalah Rumah Hijau yang menjadi kebimbangan utama dewasa ini.
- Singapura banyak menyediakan tong sampah khas untuk pengitaran semula. Jika prasarana-prasarana ini dimanfaatkan, pencemaran alam sekitar dapat dielakkan.

2. Penggunaan plastik membawa lebih banyak manfaat daripada kemudatan.

Pihak Pencadang:

- Harga beg plastik amat murah. Penggunaannya tidak akan membawa beban dari segi ekonomi kepada rakyat.
- Beg plastik membawa pelbagai kemudahan kepada rakyat dalam kehidupan seharian.
- Penggunaan plastik dapat memastikan kebersihan terpelihara kerana salah satu fungsi beg plastik ialah untuk mengasingkan barang-barang yang kering dan basah di pasar raya, untuk mengumpulkan sampah sarap yang kemudiannya akan dibuang dll Penggunaan plastik amat pelbagai dan merangkumi sektor yang pelbagai juga (Sektor perubatan, sektor perniagaan dan sebagainya)

Pihak Pengbangkang:

- Plastik merupakan bahan buangan yang mengambil masa yang lama untuk luput.
- Walaupun ia membawa kemudahan kepada kita, penggunaan plastik secara berlebihan boleh dan telah mengakibatkan pencemaran yang serius
- Plastik sukar untuk dikitar semula, sekiranya tidak boleh dipakai lagi, plastik terpaksa dibuang dan dibakar

3. Hidup manusia akan menjadi lebih sulit tanpa adanya plastik

Pihak Pencadang:

- Plastik membawa banyak kemudahan untuk manusia kerna fungsinya yang pelbagai. Jika plastik diganti dengan bahan lain yang tidak dapat menandingi fungsi plastik, hidup manusia juga akan terjejas.
- Beg kitar semula agak mahal berbanding dengan bag plastik. Beban ekonomi untuk rakyat apabila terpaksa membeli beg kitar semula akan menjadi lebih berat.
- Sampah-sarap sukar dikendalikan tanpa beg plastik dan ini boleh mengakibatkan berlakunya masalah sampah-sarap yang tidak dikendalikan dengan baik.

Pihak Pengbangkang:

- Beg plastik hanya mula digunakan lebih kurang seratus tahun yang lalu. Sejarah telah membuktikan bahawa manusia sebenarnya boleh meneruskan kehidupan seharian mereka tanpa menggunakan plastik.
- Beg plastik bukanlah satu keperluan. Sememangnya pada awalnya, manusia akan menghadapi kesukaran untuk cuba menyesuaikan diri melakukan kerja-kerja seharian tanpa plastik. Namun alah bisa tegal biasa. Lama kelamaan mereka akan terbiasa juga. Hidup mereka tidak akan menjadi sulit pun pada masa hadapan.
- Banyak beg-beg lain yang tidak menggunakan plastik, contohnya beg kertas ada dijual di pasaran. Makanya, walaupun tanpa beg plastik, manusia mempunyai banyak pilihan lain untuk dijadikan beg.

4. Pihak pemerintah harus menggalakkan orang ramai untuk tidak menggunakan plastik secara berlebihan.

Pihak Pencadang:

- Plastik akan membawa kemudaratan kepada alam sekitar. Oleh itu, untuk tidak menggalakkan orang ramai daripada menggunakannya secara berlebihan adalah tindakan yang munasabah
- Undang-undang merupakan perlindungan yang paling berkesan dalam pemuliharaan alam sekitar. Jadi, usaha menggalakkan orang ramai agar tidak menggunakan beg plastik secara berlebihan melalui undang-undang akan membawa kesan yang paling ketara.
- Penggunaan plastik adalah lumrah pada masa kini, jadi larangan pihak kerajaan dapat memastikan keberkesanan penjagaan alam sekitar.

Pihak Pengbangkang:

- Usaha menggalakkan orang ramai agar tidak menggunakan beg plastik merupakan tindakan yang melanggar norma masyarakat. Mungkin sukar untuk masyarakat menerima larangan ini.
- Tindakan ini akan menjejaskan ekonomi negara, sebagai contoh: pengangguran akan berlaku dalam sektor penghasilan beg plastik
- Pendidikan merupakan langkah yang paling berkesan untuk memupuk kesedaran cinta akan alam sekitar dalam sanubari setiap individu.



SUBJECT: Malay Language

LEVEL	Secondary 3 Express
TOPIC	Formal E-mail Writing
DESCRIPTION OF RESOURCES	In this activity, students are supposed to play the role of a consumer who is concerned about the amount of plastics that are being given out freely by a supermarket. He then writes a formal e-mail to the director of the supermarket, informing him how he witnessed plastic bags being excessively used while shopping at the supermarket and provide suggestions to reduce the excessive use of plastic bags. To do this, students first have to gain some information about the suggestions that other vendors have used to reduce the use of plastic bags.
MATERIALS NEEDED	SEC White Paper Supermarket Websites (NTUC, Giant etc)

KERTAS LATIHAN 2:**E-MEL RASMI**

Baca maklumat yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tuliskan e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, kamu telah menemani ibu kamu ke Pasar Raya Suria. Sewaktu kamu membeli-belah di pasar raya tersebut, kamu lihat terlalu banyak plastik yang disediakan untuk para pengguna. Apabila ibu kamu ke juruwang untuk membayar pula, kamu menyedari bahawa pegawai itu menggunakan beg plastik yang berlebihan untuk membekalkan barang-barang yang telah dibeli. Juruwang itu telah menggunakan dua plastik untuk membekalkan barangan yang sama. Apabila kamu bertanya mengapa juruwang itu melakukan sedemikian, dia sekadar menjawab bahawa hal itu tidak menjadi masalah kerana beg plastik tidak dikenakan bayaran di pasar raya itu.

Sebagai seorang pengguna yang prihatin terhadap kesan negatif penggunaan beg plastik yang berlebihan kepada alam sekitar jika hal itu berterusan, tuliskan sebuah e-mel kepada pengarah syarikat Pasar Raya Suria untuk menyuarakan keprihatinan kamu dalam hal ini. Berikan juga beberapa saranan yang boleh dilakukan oleh pasar raya itu untuk mengurangkan penggunaan plastik.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: saiful@ymail.com ataupun shireen@ymail.com

Alamat penerima: pengarah@suria.com.sg

Panduan Untuk E-mel Rasmi

- Pihak pasar raya boleh mengikut jejak langkah beberapa pasar raya lain seperti NTUC dalam mengimplementasikan kempen membawa beg sendiri untuk membekalkan barang-barang pembelian mereka.
- Memupuk kesedaran tentang kesan-kesan yang boleh berlaku kepada alam sekitar sekiranya para pegawai terus memberikan beg plastik secara berlebihan kepada para pengguna
- Sediakan pameran di dalam pasar raya untuk bantu memupuk kesedaran yang sama dalam kalangan pelanggan pasar raya tersebut. Jika semua memahami mengapa penggunaan plastik beg secara berlebihan tidak baik untuk alam sekitar dan untuk mereka, mungkin mereka akan dapat menerima kempen pasar raya tersebut untuk tidak menyediakan banyak beg plastik kepada pengguna.
- Sediakan beg-beg yang boleh dikitar semula dengan harga yang tidak begitu tinggi.
- Kenakan bayaran dengan harga yang tidak begitu tinggi untuk setiap beg plastik ekstra yang diminta oleh para pengguna.



SUBJECT: Malay Language

LEVEL	Secondary 2 Express/ 3 Normal students
TOPIC	Comprehension Passage
DESCRIPTION OF RESOURCES	In this activity, students are given a passage on some efforts that have been done to reduce the usage of plastic bags in Singapore. Some information on the negative impacts of the excessive usage of plastic bags are also given and students will have to read the texts closely to answer the questions provided.
MATERIALS NEEDED	-

KERTAS LATIHAN 3:

KEFAHAMAN OBJEKTIF - PETIKAN SATU



Lelaman Utama	Dalam Negeri	Luar Negeri	Hiburan	Sukan	Ekonomi
<p>Kian ramai orang semakin peka dengan keadaan alam sekitar yang semakin gering. Banyak usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai lapisan masyarakat untuk membantu mengurangkan aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran alam. Hal ini termasuk memupuk kesedaran orang ramai tentang kesan-kesan pencemaran melalui kempen untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di pasar raya di seluruh Singapura.</p>  <p>E-Berita berpeluang untuk membuat tinjauan tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Pasar Raya Suria, salah sebuah pasar raya terbesar di Singapura, untuk mengurangkan penggunaan beg plastik.</p> <p>Sebagai permulaan, Pasar Raya Suria telah memupuk nilai cinta terhadap alam sekitar dalam kalangan pegawai pekerja mereka. Pihak pengurusan syarikat itu telah pun mengingatkan pekerja mereka untuk mengurangkan pemberian beg plastik kepada pelanggan.</p> <p>“Kami juga telah menyediakan satu ruang pameran khas untuk mendidik para pelanggan kami tentang kesan-kesan negatif terhadap alam sekitar jika mereka terus menggunakan beg plastik secara berlebihan. Sebagai pengganti, kami menjual beg-beg yang diperbuat daripada sumber yang boleh dikitar semula,” menurut pengurus syarikat Pasar Raya Suria, Encik Ali Ahmad.</p> <p>Beg-beg alternatif ini boleh dibeli dengan harga yang amat murah, hanya \$2.90 sahaja dan boleh digunakan berkali-kali. Kepada pelanggan yang tetap berkeras ingin menggunakan plastik pula, pihak Pasar Raya Suria akan mengenakan bayaran terhadap setiap plastik yang berlebihan yang diminta oleh pelanggan mereka. Encik Ahmad menegaskan bahawa usaha-usaha ini penting untuk menyedarkan para pelanggan tentang kepentingan memulihara alam sekitar.</p> <p>Apabila ditanya tentang tahap kesediaan para pelanggan untuk menerima tindakan yang baru diperkenalkan oleh syarikat ini tiga bulan yang lalu, Encik Ali menambah, “Hal ini sememangnya akan menimbulkan kesulitan kepada orang ramai kerana penggunaan beg plastik merupakan satu perlakuan yang lumrah bagi mereka. Namun, lama-kelamaan, mereka akan terbiasa menerima barangan mereka tanpa dibekalkan di dalam beg plastik. Jika amalan ini berterusan, kita boleh bersikap positif bahawa keadaan alam sekitar akan bertambah baik pada masa hadapan.”</p>					

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

1. Mengapakah sukar bagi orang ramai untuk tidak menggunakan beg plastik?
 - A Harga beg plastik amat murah berbanding dengan beg-beg yang lain.
 - B Orang ramai sudah terbiasa menggunakan beg plastik dan sukar bagi mereka untuk mengubah tabiat itu.
 - C Pasar Raya Suria tidak menyediakan beg-beg alternatif untuk para pengguna.
 - D Penggunaan beg-beg yang lain juga akan menjejaskan alam persekitaran di muka bumi.

2. Ruang pameran diadakan di Pasar Raya Suria untuk
 - A menghiburkan hati para pelanggan yang berbelanja di pasar raya itu
 - B menggalak para pelanggan membaca dan meraih maklumat daripada pameran itu
 - C mendidik para pelanggan tentang kesan buruk penggunaan beg plastik yang berlebihan
 - D menggalak para pelanggan untuk mengitar semula

3. Maksud perkataan 'gering' dalam petikan ini ialah
 - A sakit
 - B mati
 - C kecewa
 - D lemah



In joint collaboration with NIE'S GESL Group 27, Building Blocks.

Panduan Untuk Guru:

- 1) B
- 2) C
- 3) A

PETIKAN 2

PLASTIK



6 fakta yang harus kamu tahu

1 Pada tahun 2011 sahaja, lebih kurang 3 bilion beg plastik telah digunakan di Singapura. Ini bermakna setiap rakyat Singapura menggunakan kira-kira 1.6 beg plastik setiap hari.

2 Sebanyak 37 juta kilogram minyak mentah dan 12 juta kilogram gas asli diperlukan untuk menghasilkan 3 bilion beg plastik di Singapura pada tahun 2011.

3 Bahan plastik tidak larut hayat (non-biodegradable) dan terpaksa ditanam ataupun dibakar jika tidak boleh digunakan lagi.

4 Pembakaran plastik akan menghasilkan pengeluaran gas-gas atmosfera bertoksik yang berbahaya untuk kesihatan, seperti karbon dioksida, metana (methane) dan nitrogen oksida. Sebanyak 252 megajoules tenaga pula diperlukan untuk membakar setiap tan plastik.

5 Semakin banyak syarikat pasar raya, seperti NTUC dan Ikea, telah menyediakan beg alternatif untuk mengurangkan penggunaan plastik.

6 Sebagai individu, kita haruslah memainkan peranan masing-masing untuk bantu mengurangkan penggunaan beg plastik. Sebagai contoh, kita boleh membawa beg sendiri untuk membekalkan barang-barang yang kita beli di pasar.

ARAHAN: Berdasarkan petikan karangan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

1. Iklan ini dihasilkan untuk
 - A Menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula plastik
 - B Menggalakkan orang ramai untuk mengurangkan penggunaan plastik
 - C Untuk memberikan maklumat tanpa mengharapkan sebarang reaksi daripada masyarakat
 - D Untuk mempromosikan kempen Bawa Beg Sendiri di Singapura
2. Kita harus mengurangkan penggunaan beg plastik kerana
 - A Proses penghasilan plastik menelan belanja yang amat tinggi
 - B Penggunaan plastik membahayakan kesihatan manusia
 - C Kebanyakan pasar-pasar raya sudah pun menyediakan beg-beg alternatif
 - D Proses menghapuskan plastik mengeluarkan gas-gas yang membahayakan kesihatan manusia
3. Maksud membekalkan dalam petikan iklan di atas ialah
 - A Menyediakan
 - B Memberikan
 - C Membawa makanan atau minuman untuk santapan
 - D Menjadikan



In joint collaboration with NIE'S GESL Group 27, Building Blocks.

Panduan Untuk Guru:

A) B

B) D

C) A

SUBJECT: Malay Language

LEVEL	Secondary 4 Express and 5 Normal Academic
TOPIC	Oral
DESCRIPTION OF RESOURCES	In this activity, students will be given a passage pertaining to the manufacturing and the harmful effects of excessive usage of plastics. In the picture conversation section, they will have to provide a description of Bring Your Own Bag campaign in Singapore. For the topical conversation, the questions ranges from whether he has recycled before to questions that challenge them to think critically such as how to encourage the less usage of plastic bags and whether it is necessary to maintain the Earth in its optimal condition
MATERIALS NEEDED	-

KERTAS LATIHAN 5:

LISAN

Secara amnya, ramai yang mengakui bahawa amalan kitar semula itu penting untuk merawat bumi yang kian gering. Terdapat banyak perkakas yang digunakan dalam kegiatan seharian kita boleh dikitar semula. Antara perkakas-perkakas ini termasuklah kertas-kertas dan plastik-plastik yang tidak digunakan lagi.

Kajian telah menunjukkan bahawa sebanyak tiga bilion beg plastik telah digunakan di Singapura pada tahun 2011. Penghasilan plastik-plastik ini memerlukan sebanyak 37 juta kilogram minyak mentah dan 12 juta kilogram gas asli. Namun, tidak semua plastik-plastik yang dihasilkan ini boleh dikitar semula.

Plastik yang tidak dapat digunakan lagi terpaksa dibakar. Pembakaran ini menghasilkan gas-gas yang berbahaya seperti karbon dioksida dan nitrogen oksida. Kemudian, hasil pembakaran ini harus ditanam. Jika perkara ini berterusan, Singapura tidak akan mempunyai cukup tanah lagi untuk menampung bahan-bahan buangan kita. Lantas, langkah-langkah berkesan harus diambil untuk mengekang perkara ini daripada berterusan.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk membantu mengurangkan penggunaan beg plastik yang berlebihan. Beberapa pasar raya telah mula menjual beg-beg mesra alam sebagai pengganti. Ada juga usaha untuk menggalakkan para pelanggan untuk membawa beg mereka sendiri. Penggunaan beg-beg kertas juga kian semakin lumrah. Amalan-amalan ini merupakan satu usaha yang harus dibanggakan kerana ia boleh membantu mengekalkan persekitaran yang lebih sihat untuk manfaat semua.

Rubrik Penilaian Lisan Untuk Pelajar

Bacaan Lantang

	CUBA LAGI	BAIK	CEMERLANG
Kelancaran	Teragak-agak dalam bacaan hingga menjejaskan kelancaran pembacaan. Banyak kesilapan dari segi sebutan.	Pembacaan agak lancar tetapi terdapat sedikit kesilapan pada sebutan. Masih teragak-agak sedikit sewaktu membaca.	Pembacaan amat lantang dan lancar. Tidak mempunyai kesilapan sebutan.
Intonasi	Pembacaan mendatar. Kurang keyakinan sewaktu membaca.	Terdapat usaha untuk mempelbagaikan intonasi tetapi tampak kurang berkeyakinan.	Intonasi yang tepat dan pelbagai. Berkeyakinan tinggi.

PERBUALAN BERDASARKAN GAMBAR



Gambar dipetik daripada laman Syarikat NTUC Fairprice. <http://www.csr.fairprice.com.sg/oa-journey.html>



Perbuatan Berdasarkan Gambar

RANGSANGAN

- Jelaskan apa yang sedang berlaku di gambar ini.
- Mengapakah mereka melakukan perbuatan tersebut?
- Bagaimanakah perasaan mereka dapat terlibat sama dalam kegiatan tersebut?
- Pernahkah kamu mengalami situasi seperti ini? Gambarkan pengalaman kamu.

Jelaskan baik buruknya kegiatan tersebut.



PERBUALAN BERDASARKAN TOPIK

RANGSANGAN

- Pernahkah kamu mengitar semula barang-barang terpakai kamu? Jelaskan.
- Nyatakan bagaimana kamu mengitar semula barangan seperti botol dan beg plastik, kertas dan sebagainya..
- Terdapat beberapa kedai di pusat membeli-belah yang masih membekalkan beg plastik untuk para pelanggan mereka. Bagaimakah kita dapat menggalakkan mereka untuk beralih kepada beg yang mesra alam?
- Amalan kitar semula tidak akan membantu menyelamatkan bumi kerana bumi telah terlalu sakit. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? Mengapa?



Rubrik Penilaian Lisan Untuk Pelajar

PERBUALAN BERDASARKAN GAMBAR DAN TOPIK

		CUBA LAGI	BAIK	CEMERLANG
ISI		Mempunyai sedikit idea yang menarik tetapi tidak dikupaskan dengan lanjut.	Mempunyai beberapa idea yang menarik tetapi sedikit sahaja yang dikupaskan.	Mempunyai beberapa idea yang menarik yang dikupaskan secara menyeluruh.
TATA-BAHASA	KOSA KATA	Penggunaan kosa kata agak terbatas. Deskripsi kurang jelas.	Penggunaan kosa kata yang memuaskan. Deskripsi agak jelas.	Penggunaan kosa kata yang pelbagai. Deskripsi amat jelas.
	STRUKTUR AYAT	Penggunaan struktur ayat yang mudah tetapi terlalu banyak kesilapan tatabahasa.	Terdapat usaha untuk mempelbagaikan ayat tetapi masih kurang gramatis.	Struktur ayat yang dipelbagaikan dapat dilihat tanpa terlalu banyak kesalahan
KELAN-CARAN		Teragak-agak dalam membincangkan	Secara keseluruhan agak	Amat jelas untuk difahami dan



	PERTUTUR -AN	gambar dan topik.	jelas dan dapat difahami tetapi masih teragak- agak.	perbualan sangat lancar.
	INTONASI	Agak medatar, idea tidak disusun dengan baik dan kurang berkeyakinan apabila bertutur.	Terdapat sedikit usaha untuk mempelbagaikan intonasi tetapi masih sedikit mendatar, idea tersusun, tampak kurang keyakinan	Terdapat kepelbagaian intonasi, idea tersusun rapi dan keyakinan yang tinggi.